

FAKULTI KOMPUTERAN DAN META-TEKNOLOGI

No. Rujukan : UPSI/FKMT/PENT/378
Tarikh : 12 Oktober 2023
27 Rabiulawal 1445H

SENARAI SEPERTI DI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan

JEMPUTAN SEBAGAI PESERTA DAN PEMBENTANG 6TH INTERNATIONAL CONFERENCE ON ICT IN EDUCATION 2023 (ICTE 2023)

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) melalui Fakulti Komputeran dan Meta-Teknologi (FKMT), akan menganjurkan "*the 6th International Conference on ICT in Education*" (ICTE 2023). Persidangan ICTE 2023 ini dijangkakan akan dihadiri dalam kalangan pembentang kertas kerja dan peserta dalam kalangan pegawai kanan pendidikan, pakar industri, ahli akademik, penyelidik, pengamal pendidikan dan para siswazah di institusi pengajian tinggi tempatan dan antarabangsa.
3. Dengan tema "*Digitalization in Education Catalyst for Sustainability and Society Transformation*" (Pendigitalan Pendidikan Pemacu Kemapanan dan Transformasi Masyarakat), persidangan akan berlangsung secara atas talian pada 30 dan 31 Oktober 2023.
4. Persidangan ini akan memberi fokus kepada tiga (3) sub-tema utama iaitu i) Kurikulum dan Amalan Komputeran & Meta-Teknologi dalam Pendidikan, ii) Pembelajaran Tanpa Sempadan melalui Komputeran & Meta-Teknologi dan iii) Inovasi dan Teknologi Komputeran & Meta-Teknologi dalam Pendidikan. Bersama-sama ini, disertakan brosur ICTE 2023 untuk rujukan YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan seperti di **Lampiran 1**.
5. Sehubungan itu, pihak urusetia ICTE 2023 ingin mempelawa dan menjemput YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan atau wakil untuk menyertai persidangan kali ini sebagai pembentang kertas kerja, selain mencalonkan pegawai dan anggota YBhg. Datuk / Dato' / Datin /Prof./Dr./Tuan/Puan sebagai peserta persidangan ini.
6. Untuk makluman YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan, setiap penyertaan (pembentang dan peserta) akan dikenakan yuran penyertaan. Maklumat penyertaan dan kadar bayaran yuran adalah seperti yang dinyatakan laman web ICTE 2023 pada pautan <https://sites.google.com/siswa.upsi.edu.my/ict-2023/registration-payment-method>
7. Maklumat lanjut mengenai persidangan ini boleh didapati melalui pautan berikut: icmeta.upsi.edu.my atau sila hubungi Pengerusi ICTE 2023, Prof. Madya Dr. Che Soh Said [013-8245218, email: chesoh@meta.upsi.edu.my].

Perhatian, sokongan dan kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan mengenai perkara di atas amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN”

Saya yang menjalankan amanah,



(PROF. MADYA DR. ING. MAIZATUL HAYATI BINTI MOHAMAD YATIM)
Dekan

✉ maizatul@meta.upsi.edu.my

s.k - Fail ICTE2023



www.upsi.edu.my



81. **Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)**
Bangunan Canselori
Universiti Malaysia Sabah (UMS)
Jalan UMS
88400 Kota Kinabalu, Sabah.
82. Pengarah
Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi
Tingkat 4, Blok Utara, Bangunan Canselori
Universiti Malaysia Sabah (UMS)
Jalan UMS
88400 Kota Kinabalu, Sabah.
83. Dekan
Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan
Universiti Malaysia Sabah (UMS)
Jalan UMS
88400 Kota Kinabalu, Sabah.
84. Dekan
Fakulti Psikologi dan Pendidikan
Universiti Malaysia Sabah (UMS)
Jalan UMS
88400 Kota Kinabalu, Sabah.
85. Dekan
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Malaysia Sabah (UMS)
Jalan UMS
88400, Kota Kinabalu, Sabah.
86. Dekan
Fakulti Sains Makanan dan Pemakanan
Universiti Malaysia Sabah (UMS)
Jalan UMS
88400 Kota Kinabalu, Sabah.
87. Dekan
Fakulti Pengkomputeran dan Informatik
Universiti Malaysia Sabah (UMS)
Jalan UMS
88400 Kota Kinabalu, Sabah.